

05/12/2001

Luzam selaras pungutan zakat

KUALA LUMPUR, Selasa - Penubuhan Lembaga Urusan Zakat Malaysia (Luzam) bertujuan menyelaraskan sistem pungutan zakat di seluruh negara, bukan mengambil alih kuasa dan fungsi kerajaan negeri mengenai pungutan zakat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata penyelarasan pada peringkat pusat itu bagi mengatasi masalah kutipan zakat di seluruh negara.

"Apabila Luzam ditubuhkan, sistem pungutan zakat berpusat diperkenalkan untuk menyelaraskan semua kutipan zakat di seluruh negara.

"Bagaimanapun, pengagihan zakat tetap diserahkan kepada kerajaan negeri kerana pungutan zakat adalah kuasa mutlak negeri yang ditadbirkan majlis agama Islam negeri.

"Lagipun, kerajaan negeri mempunyai kaedah masing-masing berhubung pengagihan kutipan zakat kepada lapan asnaf (golongan) yang ditetapkan Islam," katanya selepas menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada pesakit di Hospital Kuala Lumpur (HKL), di sini hari ini.

Pada majlis itu, Abdul Hamid yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), turut menyampaikan sumbangan RM100,000 kepada Tabung Kebajikan Perubatan HKL dan RM20,000 kepada Rumah Berkat HKL.

Sehubungan itu, Abdul Hamid berkata perlembagaan negeri tidak akan dipinda kerana persetujuan daripada kerajaan negeri mencukupi bagi Kerajaan Pusat untuk bertindak sebagai penyelaraz kutipan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak menolak kemungkinan menubuhkan Luzam bagi menyelaraskan kutipan dan agihan zakat di semua negeri.

Ini berikutan rungutan pihak tertentu yang mempersoalkan fungsi institusi zakat, terutama dalam aspek ketelusan pengagihan wang yang mungkin ada kebenarannya.

Mengulas perbincangan pada peringkat Majlis Raja-raja berhubung perkara itu, Abdul Hamid berkata, setakat ini tidak ada perbincangan dibuat walaupun semua sultan dan raja adalah ketua agama di negeri masing-masing.

Katanya, pelantikan pihak ketiga untuk memantau semua kutipan dan agihan tidak perlu, kerana mekanisme sedia ada mampu menjamin ketelusan segala pengagihan.

"Mekanisme sedia ada sudah mencukupi kerana semua wang zakat yang akan diagihkan perlu mendapat kelulusan sultan, raja atau Yang di-Pertuan Agong.

"Setiap tahun Jabatan Audit juga membuat auditan dan perakuan sebelum laporan tahunan dibentangkan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri," katanya.

Sementara itu, beliau berkata 4,000 fakir miskin di Wilayah Persekutuan menerima sumbangan RM600 seorang sempena Aidilfitri tahun ini iaitu bantuan tetap bulanan RM300, bantuan Aidilfitri (RM200) dan wang fidyah (RM100).

Katanya, MAIWP turut membantu 48 keluarga mangsa kebakaran di Kampung Baru, Rumah Panjang Kawasan C Pantai Dalam dan Flat Sri Terengganu, Sentul membabitkan peruntukan sebanyak RM41,500.

(END)